



Kemala Indonesia

Isu Pengambilan Tanah Wakaf: Kajian Kes Madrasah Salihiah dan Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kedah

Siti Arifah Binti Abdul Kader, Wan Ibrisam Fikry Bin Wan Ismail

Jabatan Harta Tanah, Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah,
Universiti Teknologi Malaysia, Kampus Johor, Malaysia.
E-mail : arifahkader@yahoo.com; wanibrism@utm.my

Abstrak— *Pada dasarnya, mengikut undang-undang Islam, pengambilan tanah wakaf boleh dilakukan oleh pihak berkuasa untuk tujuan maslahah ammah sahaja. Proses Istibdal juga perlu dilakukan apabila pengambilan tanah wakaf dilakukan oleh pihak yang terbabit agar tanah-tanah wakaf ini dipelihara dengan baik seperti aset wakaf yang asal. Namun di negeri Kedah, terdapat beberapa projek pengambilan tanah wakaf yang dilakukan bukan untuk kepentingan maslahah ammah. Oleh yang demikian, apakah kesan jangka masa panjang dalam institusi wakaf ini jika pengambilan tanah wakaf tersebut menyalahi peruntukan undang-undang Islam dan hukum syarak? Oleh yang demikian, pengkaji telah menjalankan kajian terhadap dua (2) kes pengambilan tanah wakaf yang berlaku di negeri Kedah. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji isu dan permasalahan yang wujud bagi setiap kes pengambilan tanah wakaf tersebut. Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian menggunakan kaedah kajian kes. Proses pengumpulan data adalah melalui data primer iaitu data yang diperoleh hasil daripada temu bual dan data sekunder iaitu data yang diperoleh daripada sumber dokumen, buku, artikel dan jurnal. Bagi data primer data yang dikumpul dianalisis menggunakan teknik analisis secara kandungan manakala data sekunder dianalisis menggunakan teknik analisis secara diskriptif dan naratif atau petikan. Hasil daripada kajian ini mendapat terdapat isu-isu dan masalah yang wujud hasil daripada pengambilan tanah wakaf bagi kes yang dikaji.*

Kata kunci: Pengambilan Tanah Wakaf, Kes Madrasah Salihiah, Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Kedah, Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960.

I. Pendahuluan

Negeri Kedah yang terletak di utara tanah air Malaysia merupakan antara negeri yang maju dan terkehadapan dalam soal perkembangan institusi wakaf di negara ini. Buktinya, pihak Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) telah berjaya menguruskan tanah-tanah wakaf di negeri ini sehingga asset ini berjaya mendapat pulangan ekonomi yang menguntungkan negeri tersebut. Menurut Afiffudin dan Mohd Ridzuan (2013), proses Istibdal yang dijalankan bagi tanah-tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan tanah oleh pihak kerajaan di negeri Kedah telah ditransformasikan dengan asset baru yang lebih bernilai dan lebih bermanfaat daripada asset wakaf sebelum diisitbdalkan. Sebagai contoh, projek kompleks membeli belah yang terbesar di Bandaraya Alor Setar yang didirikan pada sebahagian tapak tanah wakaf iaitu Madrasah Salihiah telah memberi suatu pulangan ekonomi yang menguntungkan untuk pertumbuhan mapan ekonomi negeri jelapang padi itu. Namun begitu, projek ini mendapat tentangan dan menjadi kontroversi apabila pengambilan tanah wakaf yang dilakukan oleh pihak berkuasa menyalahi peraturan pengambilan tanah dalam Islam. Sebaliknya, dalam kes ini undang-undang sivil digunakan dengan berpandukan pada peruntukan dalam Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960. Begitu juga, bagi projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar dimana tiga (3) lot tanah wakaf terlibat dengan pengambilan tanah oleh pihak berkuasa. Ketiga-tiga tanah wakaf ini mempunyai manfaat dan kegunaan yang tersendiri. Namun, dengan penggunaan Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 yang diguna pakai dalam pengambilan tanah wakaf di

negara ini, maka tidak dapat dipertikaikan lagi pengambilan tanah wakaf harus dipersetujui oleh pihak tuan tanah wakaf.

Menurut Che Zuina *et al.* (2006), pengambilan tanah wakaf dibolehkan tetapi haruslah mengikut tujuan untuk *maslahah ammah* atau kepentingan umum sahaja. Jika pengambilan tanah wakaf yang dilakukan menyalahi tujuan pengambilan dalam Islam, maka ianya salah dari segi hukam hakam dalam Islam. Disamping itu, antara syarat pengambilan tanah wakaf dalam Islam ialah pihak yang mengambil tanah wakaf wajib menggantikan tanah wakaf dengan sesuatu harta yang lebih tinggi nilainya dan lebih bermanfaat daripada tanah wakaf yang asal. Penggantian boleh dilakukan sama ada dengan wang ringgit ataupun penggantian tanah dengan tanah. Konsep penggantian ini disebut sebagai konsep Istibdal. Konsep Istibdal ini perlulah dilakukan sebaik mungkin mengikut hukum hakam dalam Islam dan keputusan Majlis Fatwa. Menurut Zahri Hamat (2015), pihak yang menguruskan hal ehwal wakaf perlu memastikan pelaksanaan Istibdal dilakukan dengan berpandukan pada hukum syarak dan jika tidak mematuhi, tindakan yang segera perlu diambil untuk memastikan aset wakaf ini dipelihara dengan baik. Justeru itu, pengkaji akan menjalankan kajian terhadap dua (2) kes pengambilan tanah wakaf di negeri Kedah iaitu kes pengambilan tanah wakaf yang terdapat sebuah surau iaitu Madrasah Salihiah dimana tujuan pengambilannya adalah untuk pembinaan kompleks membeli belah dan kes pengambilan tanah wakaf untuk pemberesaran lapangan terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji isu dan permasalahan yang wujud bagi setiap kes pengambilan tanah wakaf di negeri kawasan kajian iaitu di negeri Kedah.

II. Permasalahan Kajian

Bagi kes pengambilan tanah wakaf yang melibatkan sebuah madrasah iaitu Madrasah Salihiah, kes ini merupakan salah satu kes pengambilan tanah wakaf yang kontroversi dan mendapat liputan meluas media kerana ianya melibatkan campur tangan pihak Istana. Madrasah ini terletak pada Lot 0000623 iaitu sebuah lot yang strategik lokasinya yang terletak ditengah-tengah kesibukan bandaraya Alor Setar, Kedah. Pelbagai bantahan dan ketidakpuasan hati beberapa pihak termasuk rakyat negeri Kedah akan kes ini kerana madrasah ini dirobohkan dan digantikan dengan sebuah surau iaitu surau pada sebuah kompleks membeli belah yang baru didirikan bersebelahan dengan tapak madrasah ini. Kes ini mengambil masa yang agak lama untuk diselesaikan atas beberapa faktor seperti campur tangan pihak Istana, peralihan kuasa politik pentadbiran Kerajaan negeri Kedah dan bantahan yang tegar daripada pihak-pihak yang menentang perobohan Madrasah Salihiah ini. Seterusnya, kes pengambilan tanah wakaf yang berikutnya pula iaitu kes ini melibatkan tiga (3) lot tanah yang berstatus wakaf yang telah diambil alih oleh pihak Kerajaan untuk menjalankan projek pemberesaran lapangan terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar. Ketigatiga lot tanah wakaf ini terletak pada mukim yang sama iaitu Mukim Titi Gajah, Daerah Kota Setar, Alor Setar iaitu kedudukannya terletak tidak jauh dari Bandaraya Alor Setar. Lot-lot tanah wakaf ini merupakan tanah pertanian dimana syarat tanah ini ialah berstatus bendang. Namun, oleh kerana untuk tujuan pemberesaran kawasan terminal lapangan terbang Sultan Abdul Halim, tanah-tanah wakaf yang kedudukannya terletak berhampiran dengan lapangan terbang ini, terpaksa diambil oleh pihak Kerajaan Negeri sepertimana pengambilan yang dibenarkan mengikut Seksyen 3(a) Akta Pengambilan Tanah (APT 1960) iaitu untuk tujuan kemudahan orang awam.

Daripada kedua-dua kes ini, timbul persoalan oleh pengkaji iaitu kenakah pihak Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) membentarkan pengambilan lot-lot tanah wakaf ini terus diambil oleh pihak kerajaan kerana bagi pengkaji terdapat alternatif atau jalan penyelesaian yang difikirkan sesuai. Walaupun pihak MAIK tidak mempunyai pilihan kerana pemakaian Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 dalam urusan pengambilan tanah wakaf tersebut, namun perlu dilihat pada peraturan syarak dari sudut Islam dalam urusan pengambilan tanah wakaf ini. Justeru itu, pengkaji akan melakukan kajian terhadap kedua-dua kes ini bagi mendapatkan isu-isu dan masalah yang terdapat dalam kedua-dua kes yang dikaji ini. Isu-isu dan masalah yang wujud ini akan menjadi penyumbang yang lemah pada institusi wakaf jika ianya tidak dibendung daripada awal.

III. Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian menggunakan kaedah kajian kes. Konseptualisasi dalam kajian ini dibahagikan kepada enam peringkat iaitu: (1) Kajian Awalan, (2) Kajian Teoritikal, (3) Metod yang Digunakan –Kualitatif (Kajian Kes), (4) Pengumpulan Data, (5) Analisis Kajian dan (6) Penemuan dan Rumusan.

3.1 Peringkat 1: Kajian Awalan

Pada peringkat awal kajian ini, sebelum memulakan kajian pengkaji telah melakukan perbincangan awal bersama-sama pegawai di Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) bagi mendapatkan maklumat mengenai isu-isu yang terdapat dalam beberapa kes pengambilan tanah wakaf di negeri Kedah. Disamping itu, pengkaji juga telah merujuk kepada beberapa bahan rujukan seperti kertas-kertas seminar, jurnal, artikel dan sumber dari internet. Setelah isu dan masalah dapat dikenal pasti oleh pengkaji, maka persoalan kajian telah dirangka dan seterusnya pengkaji membentuk objektif bagi kajian ini.

3.2 Peringkat 2: Kajian Teoritikal

Pada peringkat ini, pengkaji mengumpulkan beberapa bahan bacaan daripada jurnal, artikel, tesis kajian terdahulu, kertas seminar, Manual Pengurusan Wakaf dan Istibdal Wakaf, bahan bacaan di internet dan temu bual. Kemudian, pengkaji telah menganalisis dengan terperinci setiap bahan bacaan ini dengan cara membuat ringkasan bagi setiap bahan bacaan bagi mendapatkan isu dan masalah dalam pengambilan tanah wakaf yang berlaku di negeri Kedah.

3.3 Peringkat 3: Metod yang Digunakan –Kualitatif (Kajian Kes)

Dalam penyelidikan yang berteraskan kepada pendekatan kualitatif, maka pengkaji menggunakan reka bentuk kaedah kajian kes untuk mengkaji dua (2) kes pengambilan tanah wakaf di Kedah. Pengkaji telah membuat kajian yang mendalam bagi setiap kes-kes yang diperolehi bagi memenuhi objektif kajian ini. Sebanyak dua (2) kes berjaya dikumpulkan oleh pengkaji apabila pengkaji sendiri mengumpulkan data kes-kes ini di Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), Alor Setar Kedah. Proses untuk memperolehi data kes-kes ini agak sukar kerana masalah seperti maklumat sesetengah kes merupakan kes yang lama dan memerlukan pencarian semula fail-fail oleh pegawai MAIK. Dengan kes-kes tersebut, pengkaji mengkaji dengan lebih mendalam dan memberi fokus kajian kepada kes-kes tersebut. Menurut Othman Lebar (2015), kaedah kajian kes kualitatif ini amatlah sesuai digunakan apabila penyelidik yang berminat untuk meneroka, membuat interpretasi dan mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang sesuatu kes. Maka daripada definisi yang diberikan oleh Othman Lebar (2015) ini, amatlah bersesuaian apabila pengkaji memilih kaedah kajian kes sebagai reka bentuk kajian yang dijalankan.

3.4 Peringkat 4: Pengumpulan Data

Pada peringkat ini, pengkaji mengumpulkan data yang diperlukan untuk menjalankan kajian ini. Dua (2) jenis data yang diperolehi iaitu data primer dan data sekunder. Bagi data primer, proses pengumpulan data diperoleh hasil daripada temu bual bersama responden-responden yang dipilih oleh pengkaji yang berkebolehan dalam memberikan maklumat mengenai kajian yang dijalankan ini. Menurut Wan Mohd Rashid (2014), metode temu bual merupakan kaedah yang penting kerana maklumat yang diperlukan akan dapat diperolehi secara langsung hasil daripada bersua muka secara terus menerus.

Pengkaji mengaplikasikan metode temu bual semi berstruktur iaitu soalan yang hendak diajukan oleh pengkaji akan ditentukan terlebih dahulu dan responden boleh menjawab persoalan yang dikemukakan secara terbuka serta dikembangkan oleh responden (Othman Lebar, 2007). Dalam sesi temu bual tersebut, pengkaji akan menggunakan borang temu bual yang mengandungi beberapa soalan penting yang akan ditanya oleh pengkaji kepada responden bagi kajian ini. Manakala bagi data sekunder pula, pengkaji mengumpulkan data dari sumber dokumen seperti kes-kes Istibdal dalam pengambilan tanah wakaf di negeri Kedah. Pengkaji meneliti setiap kes-kes Istibdal bagi tanah-tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan secara terperinci bagi mendapatkan isu dan masalah pada kes-kes tersebut. Disamping itu, pengkaji merujuk kepada sumber seperti buku, manual, jurnal, artikel, sumber daripada internet dan tesis-tesis terdahulu yang membincangkan tentang pengambilan tanah wakaf.

3.5 Peringkat 5: Analisis Kajian

Setelah selesai proses pengumpulan data, maka proses berikutnya adalah penganalisisan data yang perlu dilakukan terhadap data-data yang diambil oleh pengkaji. Bagi kajian ini, untuk menjawab objektif kajian iaitu mengkaji isu dan permasalahan yang wujud bagi setiap kes pengambilan tanah wakaf tersebut, pengkaji menggunakan teknik analisis secara kandungan iaitu pengkaji menganalisis kes-kes pengambilan tanah wakaf di Kedah untuk mendapatkan isu dan masalah pada kes-kes tersebut. Analisis yang dilakukan ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian ini iaitu apakah kesan jangka masa panjang dalam institusi wakaf ini jika pengambilan tanah wakaf itu menyalahi peruntukan undang-undang Islam dan hukum syarak?

3.6 Peringkat 6: Penemuan dan Rumusan

Pada peringkat terakhir dalam kajian ini, segala keputusan yang diperoleh adalah untuk mencapai objektif kajian iaitu mengkaji isu dan permasalahan yang wujud bagi setiap kes pengambilan tanah wakaf yang dikaji. Oleh yang demikian, analisis-analisis yang mantap perlu ditonjolkan oleh pengkaji agar objektif kajian dapat dicapai dengan jayanya dalam kajian ini.

IV. Hasil Kajian

Beberapa hasil kajian yang boleh pengkaji paparkan:

4.1 Kajian Kes 1: Kes Pengambilan Tanah Wakaf bagi Pembinaan Kompleks Membeli Belah

Bagi kes yang pertama ini, terdapat pelbagai isu dan masalah yang timbul bermula dari proses pengambilan lot tanah wakaf sehinggakan kepada proses Istibdal yang dijalankan oleh Majlis Agama Islam Kedah (MAIK). Oleh kerana terdapat pelbagai isu dan masalah, maka pembinaan kompleks membeli belah ini juga tertangguh. Kes ini telah beberapa kali dibicarakan di mahkamah atas beberapa perkara yang timbul. Berikut merupakan antara isu dan masalah yang diperolehi oleh pengkaji sepanjang melakukan kajian terhadap kes ini:-

(a). Isu Pengambilan Tanah Wakaf dan Perobohan Madrasah Salihiah

Dalam pembinaan kompleks membeli belah ini, satu lot tanah wakaf iaitu Lot 0000623 telah terlibat dengan pengambilan tanah oleh pihak pemaju dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kedah. Di atas tapak ini merupakan tanah wakaf kategori khas yang terdapat sebuah madrasah yang sudah melebihi 100 tahun lamanya. Madrasah yang diberi nama Madrasah Salihiah ini telah dirobohkan bagi tujuan pembinaan kompleks membeli belah yang terbesar di Bandaraya Alor Setar, Kedah yang diberi nama Kompleks Aman Sentral. Dalam kes ini, undang-undang sivil iaitu Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 telah digunakan bagi tujuan pengambilan lot tanah wakaf ini. Maka dengan itu, pihak Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) selaku pemegang amanah bagi tanah wakaf tersebut tidak boleh mempertikaikan soal hal ehwal pengambilan tanah wakaf kerana dalam undang-undang sivil ini iaitu pada Seksyen 3 APT 1960 telah dinyatakan bahwasannya Pihak Berkusa Negeri (PBN) berhak untuk mengambil mananya tanah yang diperlukan dengan mana-mana tiga (3) tujuan iaitu untuk kemudahan orang awam, untuk mempertingkatkan ekonomi Malaysia atau untuk tujuan perlombongan, perumahan, pertanian, perdagangan dan sebagainya. Oleh yang demikian, dalam pandangan pengkaji terhadap kes ini, pengambilan tanah yang dibuat oleh pemaju adalah berdasarkan dua (2) tujuan iaitu untuk kemudahan orang awam seperti dalam Seksyen 3(a) APT 1960 dan bagi tujuan peningkatan ekonomi negeri dan Malaysia iaitu sepertimana terkandung dalam Seksyen 3(b) APT 1960. Walaubagaimanapun, pihak pemaju telah membayar pampasan dalam bentuk wang kepada MAIK dan membina sebuah surau pada kompleks membeli belah tersebut sebagai memenuhi syarat yang diputuskan oleh Majlis Fatwa negeri Kedah.

Di negeri Kedah, masih belum terdapat sebuah kompleks membeli belah yang serba canggih yang terdapat pelbagai lot-lot perniagaan yang menjual pelbagai barang berjenama, restoran makanan yang menyajikan makanan dari beberapa buah negara barat seperti Korea, Jepun dan lain-lain lagi serta kemudahan fasiliti yang serba moden yang dapat dinikmati oleh penduduk Kedah pada masa kini. Oleh itu, dengan pembinaan kompleks membeli belah ini iaitu Kompleks Aman Sentral, maka penduduk Kedah dapat mengisi masa terluang dan dapat membeli pelbagai barang berjenama di sini tanpa perlu ke luar daripada Kedah untuk mendapatkannya. Dalam pada itu, semestinya apabila terdapat sebuah kompleks membeli belah yang besar dan serba moden seperti ini, maka ini akan meningkatkan pendapatan ekonomi negeri dan juga negara Malaysia. Misalnya, penduduk luar yang datang ke Kedah akan membeli belah di kompleks ini kerana kompleks ini merupakan tarikan baru di negeri Kedah. Disamping itu, para pelabur juga akan melabur di negeri jelapang padi Malaysia ini. Namun, yang menyebabkan isu ini berbangkit adalah perobohan Madrasah Salihiah yang merupakan sebuah madrasah yang tertua di negeri Kedah. Walaupun pihak pemaju bagi kompleks membeli belah ini memberi pampasan dalam bentuk wang dan membina sebuah surau yang lebih baik dari Madrasah Salihiah dari segi kemudahan fasilitinya, namun sehingga ke hari ini masih ada pihak yang menentang perobohan madrasah ini. Menurut Nor Hairani (2017), kes Madrasah Salihiah ini baru sahaja selesai iaitu dari segi pembayaran wang pampasan kepada MAIK. Oleh yang demikian, kes ini menjadi kontroversi dan banyak pihak tampil untuk memberi pandangan yang berbeza-beza mengenai kes ini. Namun, kes ini telah selesai iaitu pembinaan sebuah kompleks membeli belah yang diberi nama Kompleks Aman Sentral dan madrasah juga telah dirobohkan. Pihak pemaju telah membina sebuah surau yang diberi nama Surau Al-Aman yang terletak pada bahagian aras bawah kompleks membeli belah ini. Di pihak MAIK pula, urusan penggantian atau Istibdal Madrasah Salihiah kini dalam proses untuk membina sebuah surau pada tapak tanah wakaf yang baru.

(b). Isu Penggantian selepas Pengambilan Tanah Wakaf Madrasah Salihiah

Sepertimana yang telah dipersetujui oleh pihak pemaju iaitu *Belleview Group of Company* dan keputusan Majlis Fatwa Negeri Kedah, pampasan dibayar oleh pihak pemaju bagi perobohan Madrasah Salihiah iaitu dalam bentuk wang kepada pihak MAIK. Dengan penerimaan wang pampasan ini, maka MAIK wajib melaksanakan penggantian atau Istibdal wakaf bagi tanah wakaf yang diambil tersebut. Menurut Syeikh Ahmad Zaki (2017), proses Istibdal baru bermula apabila pihak MAIK telah membeli tanah wakaf yang baru di lokasi yang lain untuk membina surau. Disamping itu, syarat sampingan juga telah ditetapkan oleh Majlis Fatwa negeri Kedah iaitu pihak pemaju haruslah membina sebuah surau di kompleks membeli belah tersebut. Maka, sebuah surau yang diberi nama surau Al-Aman telah dibina pada aras bawah kompleks membeli belah yang dibangunkan itu. Jarak di antara Madrasah Salihiah iaitu tapak asal tanah wakaf dan surau yang baru dibina itu adalah kira-kira 200 meter.

Dalam tinjauan pengkaji ke surau baru yang dibina pada aras bawah Kompleks Aman Sentral ini, surau ini kelihatan amat cantik dan tersergam indah dari pandangan luar iaitu menampakkan ciri-ciri moden Islamik pada masa kini. Pada bahagian dalaman surau ini pula, kelihatan serba moden iaitu dengan reka bentuk seramik yang cantik, tempat mengambil wudhu yang selesa dan ruang solat yang berhawa dingin. Akan tetapi, surau ini tidak dapat menampung jumlah jemaah yang ramai pada satu-satu masa. Misalnya, pada waktu solat maghrib. Disamping itu, tiada tempat meletak kenderaan yang khusus bagi jemaah yang ingin menuaikan solat fardhu disini. Situasi ini menjadi masalah kepada jemaah luar yang ingin datang menuaikan solat fardhu disini. Sebaliknya, jemaah perlu meletakkan kenderaan di dalam tempat meletak kenderaan di *basement* kompleks membeli belah ini. Pada pendapat pengkaji, keadaan ini amat menyukarkan para jemaah untuk singgah menuaikan solat di surau Al-Aman ini.

(c). Isu Kepentingan Ekonomi Bukan Islam

Pemaju bagi kompleks membeli belah Aman Sentral ini merupakan sebuah syarikat cina persendirian iaitu *Bellevue Group of Company* dari Pulau Pinang. Pengarah urusan bagi syarikat ini ialah Datuk Sonny Ho. Syarikat pemaju ini telah berjaya membangunkan kompleks membeli belah yang terbesar di negeri Kedah sehingga berjaya memenangi anugerah bagi projek Aman Sentral iaitu “*Winner of the Highly Commended Development Award*” dalam sebuah majlis hartaanah yang berprestij. Kompleks perniagaan ini telah siap dibangunkan dengan terdapat pelbagai lot-lot perniagaan yang menjual pelbagai barang jenama, restoran-restoran makanan barat dan fasiliti-fasiliti yang serba moden yang dapat dinikmati oleh pengunjung yang datang ke kompleks membeli belah ini. Akibat daripada pembinaan Kompleks Aman Sentral ini, Madrasah Salihiah telah dirobohkan atas persetujuan Kerajaan Negeri Kedah bagi memberi laluan pada projek gedung membeli belah yang dimajukan oleh syarikat berbangsa cina ini. *Bellevue Group of Company* telah memberi pampasan dalam bentuk wang dan juga telah menggantikan sebuah surau yang diberi nama Surau Al-Aman dimana kedudukannya terletak pada aras bawah kompleks membeli belah ini. Oleh yang demikian, daripada pandangan pengkaji, dapat dilihat Kerajaan Negeri Kedah seolah-olah telah membuka ruang kepada syarikat pemaju yang bukan dari golongan Islam apabila sebuah madrasah terpaksa dirobohkan kerana termasuk dalam pelan pembinaan kompleks membeli belah tersebut. Oleh itu, syarikat pemaju ini mendapat peluang emas iaitu dapat membina projek pembangunan yang secara langsung menguntungkan ekonomi mereka. Walaupun pihak pemaju membayar sejumlah pampasan dan penggantian surau yang baru, namun pada pandangan pengkaji, madrasah itu tidak sepatutnya dirobohkan. Sebaliknya projek kompleks membeli belah ini boleh dilakukan jauh sedikit lokasinya daripada madrasah ini agar iaanya tidak dirobohkan. Disamping itu, pembinaan projek kompleks membeli belah ini bukanlah suatu keperluan mendesak atau jika dalam Islam untuk keperluan *maslahah ammah*, malah dilihat suatu projek yang memberi pulangan lumayan dan menguntungkan ekonomi pemaju dan juga Kerajaan Negeri Kedah serta Kerajaan Malaysia.

Justeru itu, pembinaan kompleks membeli belah ini nyata adalah untuk kepentingan ekonomi kepada bukan Islam iaitu pihak pemaju yang merupakan sebuah syarikat cina. Oleh itu, isu ini menjadi tular dan ada pihak yang cuba untuk ‘mempolitikkan’ isu ini sehingga ianya menjadi kontroversi sehingga ke hari ini.

4.2 Kajian Kes 2: Kes Pengambilan Tanah Wakaf bagi Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim

Bagi kes yang kedua ini, tidak terdapat isu dan masalah besar yang boleh menimbulkan konflik seperti kes sebelumnya iaitu perobohan Madrasah Salihiah dan pembinaan sebuah kompleks membeli belah pada tapak wakaf madrasah tersebut. Dalam kes ini, pihak berkuasa telah melakukan pengambilan tiga (3) lot tanah wakaf bagi tujuan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim dan seterusnya membayar pampasan dalam bentuk wang kepada MAIK. Kemudian, MAIK juga telah menyempurnakan Istibdal wakaf iaitu penggantian aset kedua dengan membeli sebuah bangunan rumah kedai di tapak wakaf yang baru. Hasil sewaan juga telah disalurkan kepada pihak-pihak yang mendapat manfaat seperti sebelum diistibdalkan. Namun, apabila dilakukan kajian yang teliti dan mendalam terhadap kes ini didapati terdapat beberapa isu dan masalah. Berikut merupakan perbincangan mengenai isu dan masalah bagi kes ini:-

(a). Isu Pengambilan Tanah Wakaf Mengikut Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960

Bagi kes ini, Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 digunakan dalam proses pengambilan tiga (3) lot tanah wakaf untuk tujuan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim. Pengambilan lot-lot tanah wakaf ini adalah tidak langsung menyalahi mana-mana undang-undang atau mana-mana peruntukan kerana kesan daripada pembesaran lapangan terbang ini tentunya memberi banyak faedah antaranya seperti untuk keselesaan penumpang dan penambahbaikan fasiliti yang lain seperti ruangan menunggu yang lebih luas dan tempat meletak kenderaan awam yang boleh memuatkan sejumlah kenderaan yang banyak pada satu-satu masa. Oleh yang demikian, dalam Seksyen 3(a) APT 1960 dimana pihak berkuasa boleh mengambil tanah untuk tujuan kemudahan masyarakat awam. Nyata pembesaran lapangan terbang ini adalah untuk tujuan kemudahan masyarakat awam. Namun, persoalan yang timbul

adalah kenapakah pihak berkuasa mengambil bahagian tanah wakaf ini sedangkan pihak perancang misalnya boleh merancang pengambilan tanah ini tidak termasuk tanah wakaf bagi pembesaran lapangan terbang ini? Pengkaji menimbulkan persoalan sedemikian kerana merasakan tanah wakaf sepatutnya dielakkan daripada diambil oleh mana-mana pihak walaupun tidak melanggar mana-mana hukum syarak. Bagi kes ini, sebelum pengambilan tanah wakaf, tanah bagi ketiga-tiga lot ini ada diusahakan tanaman padi yang juga merupakan sumber pendapatan penduduk tempatan yang mengusahakannya. Oleh yang demikian, apabila tanah wakaf ini diambil oleh pihak kerajaan, maka hilanglah sumber pendapatan petani yang mengusahakan tanaman padi tersebut.

Justeru itu, tidak dapat dipertikaikan lagi kerana wakaf tidak terdapat dalam peruntukan pengambilan tanah yang diguna pakai di Malaysia pada masa kini iaitu Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960. Maka dengan itu, undang-undang sivil iaitu APT 1960 digunakan bagi tujuan pengambilan tanah-tanah wakaf ini.

*(b). Masalah Hilang Pekerjaan bagi Penduduk
Tempatan yang Mengusahakan Aktiviti Penanaman Padi*

Kedua tiga (3) lot tanah wakaf yang asal sebelum dilakukan pengambilan oleh pihak kerajaan, adalah merupakan tanah wakaf yang diusahakan dengan aktiviti penanaman padi. Para petani yang mengusahakan tanaman padi ini terdiri daripada penduduk tempatan yang tinggal berhampiran dengan kawasan lot-lot tanah wakaf ini. Namun, apabila pihak kerajaan mengambil tanah-tanah wakaf yang diusahakan dengan aktiviti penanaman padi ini, maka petani-petani ini hilang pekerjaan bagi tanaman padi yang mereka usahakan ini. Oleh yang demikian, pada pandangan pengkaji, dengan pengambilan tanah wakaf ini, petani yang mengusahakan tanaman padi di atas lot-lot tanah wakaf ini, tidak dapat meneruskan rutin pekerjaan dan hilang punca pendapatan mereka. Oleh yang demikian, tidak dapat dipertikaikan lagi kerana peruntukan Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 telah digunakan untuk mengambil tanah-tanah wakaf ini. Para petani terpaksa akur dengan keputusan oleh pihak kerajaan iaitu pengambilan yang dibuat adalah untuk memberi kemudahan yang terbaik disamping untuk keselesaan para penumpang di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim tersebut.

V. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, setelah kajian yang mendalam dilakukan oleh pengkaji terhadap dua (2) kes pengambilan tanah wakaf di negeri Kedah ini, pengkaji mendapati bahawa pengambilan tanah wakaf yang dilakukan oleh pihak berkuasa adalah untuk kepentingan ekonomi yang dapat memberi pulangan yang menguntungkan pada suatu masa akan datang. Pihak berkuasa dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) perlulah saling bekerjasama antara satu sama lain apabila memutuskan kaedah pengambilan tanah wakaf yang terbaik agar tanah-tanah wakaf ini terus dipelihara sebagai satu aset keperluan umat Islam. Walaupun Istibdal atau pengantian tanah wakaf dilakukan oleh pihak yang mengambil tanah tersebut, namun perlu difikirkan juga alternatif yang sewajarnya yang boleh diusahakan agar tanah-tanah wakaf ini tidak terus diambil oleh pihak berkuasa untuk melaksanakan projek-projek pembangunan. Hal ini bagi memastikan aset wakaf ini terus dipelihara untuk pembangunan ummah. Walaupun sehingga ke hari ini perkara berkaitan dengan wakaf tidak terdapat dalam mana-mana peruntukan undang-undang sivil iaitu Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960, namun adalah wajar pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan isu dan permasalahan dalam kes pengambilan tanah wakaf ini, perlu meneliti semula dan semakan perlu dibuat dalam Akta APT 1960 tersebut. Menurut Siti Arifah dan Wan Ibrisam Fikry (2017), terdapat beberapa seksyen dalam Akta APT 1960 perlu disemak oleh pihak yang terbabit seperti Seksyen 3(1), Seksyen 14(1) dan Seksyen 15(1). Hal ini kerana seksyen-seksyen ini merupakan antara peruntukan yang turut diguna pakai oleh pihak berkuasa bagi kes-kes tanah wakaf sedangkan peruntukan ini adalah untuk tanah-tanah yang tertakhluk di bawah undang-undang sivil sahaja. Justeru itu, natijahnya bagi kes Madrasah Salihiah, Akta APT 1960 digunakan dimana yang sebuah lot tanah wakaf yang terdapat sebuah madrasah telah dirobohkan untuk memberi laluan pada sebuah projek pembangunan pusat membeli belah di Bandaraya Alor Setar itu. Disamping itu, tujuan pengambilan tanah wakaf juga perlu diperjelaskan sebaik mungkin oleh pihak yang melakukan pengambilan dan pengambilan tersebut tidak menyalahi mana-mana peruntukan dalam undang-undang Islam. Misalnya bagi kes pengambilan tiga (3) lot tanah wakaf untuk pembesaran Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Alor Setar apabila pihak berkuasa mengambil lot-lot tanah wakaf yang berstatus bendang itu untuk tujuan pembesaran lapangan tersebut. Ekoran pengambilan tanah ini, para petani menghadapi masalah seperti hilang punca pendapatan dalam mengusahakan tanah ini.

Rujukan

1. Afiffudin Mohammed Noor dan Mohd Ridzuan Awang (2013). Pelaksanaan Istibdal Wakaf di Negeri Kedah. *Jurnal Islamiyyat* 35(1). 2013.
2. Che Zuina Ismail, Nor Hidayah Harun dan Hapiza Omar (2006). Isu Perundungan Wakaf : Kajian Penambahbaikan dalam Pengurusan.
3. Enakmen Pentadbiran AgamaIslam Kedah 2008 (No.5/2008).
4. Othman Lebar (2007). *Tradisi Penyelidikan Kualitatif*. Penerbit: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim Perak.
5. Othman Lebar (2015). *Penyelidikan Kualitatif. Pengenalan Kepada Teori Dan Metode*. Penerbit: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim Perak.

6. Siti Arifah dan Wan Ibrisam Fikry (2017). Kajian Kes Pengambilan Tanah Wakaf di Kedah: Cadangan Penambahbaikan. *Jurnal Fikiran Masyarakat*. Vol. 5, No. 1, 2017. ISSN No. 2338-512X
7. Temu bual dengan Pn. Nor Hairani Binti Saad, Pegawai Hal Ehwal Islam (S29/32) / Bahagian Wakaf MAIK, pada 14 Januari 2015, 12 November 2015, 12 Mei 2016, 27 September 2016, 19 Disember 2016, 16 Januari 2017 dan 8 Februari 2017 bertempat di Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Kedah (MAIK).
8. Temu bual dengan Tn. Syeikh Ahmad Zaki Bin Ghazali, Pegawai Hal Ehwal Islam (S44)/ Bahagian Wakaf MAIK, pada 27 September 2016 bertempat di Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Kedah (MAIK).
9. Undang-undang sivil Kerajaan Malaysia. Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960. Tahun: 2014.
10. Wan Mohd Rashid Wan Ahmad (2014). Penyelidikan Kualitatif dalam Pendidikan. *Slide Share*. Diperoleh daripada: <<http://www.slideshare.net/SuhailiHanafi/penyelidikan-kualitatif-dalam-pendidikan-merekod-mengurus-dan-menganalisis-data>>. Tarikh akses: 21 Oktober 2015.
11. Zahri Hamat (2015). Persepsi Aplikasi Istibdal Wakaf dalam Kalangan Jemaah Masjid di Kelantan. Bengkel Research University Team (RUT) ISDEV. 2-4 Mac 2015, USM Pulau Pinang.